

**KTDI Meriahkan Sambutan Pra Gong Xi Fa Cai**

Pengetua KTDI, Dr. Pakhriazad (dua dari kiri) menggaul mee atau dikenali sebagai 'Yee sang' bersama dengan pelajar kolejnya.

**SERDANG, 23 Jan** – Pelajar-pelajar Kolej Tun Dr. Ismail (KTDI) Universiti Putra Malaysia (UPM) memeriahkan sambutan pra Gong Xi Fai Cai dengan menganjurkan Pesta Gong Xi Budaya.



Tarian kipas kaum cina yang turut disertai oleh pelajar Melayu.

Program yang bertujuan untuk berkongsi budaya sambutan perayaan tahun arab masyarakat Cina itu bertemakan 'May the wind blow forth good fortune, May the rabbit bring toward prosperity' dan telah dirasmikan oleh Pengetua KTDI, Dr. Pakhriazad Hassan Zaki.



Pelajar pelbagai bangsa menyanyikan lagu tahun baru cina secara bersahaja tanpa kesukaran meningati liriknya.

Pengarah program, Pang Shi Yong berkata antara aktiviti ialah 'yee sang' iaitu menggaul mee, pertunjukan seni wushu, tarian kipas dan pementasan drama sejarah Gong Xi Fa Cai.



Antara adegan lakonan pelajar KTDI di dalam menceritakan sejarah tahun baru cina.

"Bagi masyarakat Cina, tahun ar Nab itu membawa maksud harapan dan mereka yang lahir pada tahun itu lazimnya mempunyai ciri-ciri lemah-lembut, mempunyai ingatan yang baik dan berjiwa sensitif," kata pelajar semester kedua, bachelors Sains Statistik, Fakulti Sains UPM itu.



Pelajar KTDI pelbagai bangsa beramah mesra bersama pengetua mereka, Dr. Pakhriazad

(kanan sekali).

**Berita ini disediakan oleh Seksyen Media, Bahagian Komunikasi Korporat UPM.  
(Mohd Faisal Md Noor, 03-89466154).**

---

Hak Cipta Terpelihara 2007  
Universiti Putra Malaysia